

16 JUN 1997

MOHAMED: KOMPONEN BN MESTI DUKUNG TINDAKAN PERANGI RASUAH

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) Datuk Mohamed Rahmat berkata semua parti komponen BN mesti mendukung tindakan kerajaan terhadap pemimpin dalam kerajaan yang rasuah kerana ia turut melibatkan kewibawaan parti.

Katanya integriti kerajaan adalah juga integriti BN dan jika ada tindakan diambil terhadap sesiapa saja dalam kerajaan yang terlibat dengan rasuah, komponen parti BN mesti mendukung tindakan itu.

"Saya tertarik hati juga bahawa komponen parti (BN) sekarang sudah mula mendukung keputusan kerajaan ini dan juga mengambil langkah masing-masing untuk mengelakkan gejala rasuah ini berlaku di kalangan mereka juga," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan televisyen Malaysia 1997 di sini.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan berkata semua komponen parti BN mesti berusaha mencapai hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang bukan sahaja bersih tetapi juga kelihatan bersih.

"Seperti kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa masa untuk memberi amaran sudah berakhir dan kini telah sampai masa untuk bertindak tegas menyingkirkan mereka yang terbabit," kata Mohamed. --

BERNAMA

AFY MAI